NAMA SAYA , BERUMUR 28 TAHUN. (1) 30 MAR 2020

SAYA DARI MALAYSIA, SAYA SEORANG MUSLIM DAN BERAGAMA ISLAM. SAYA DILAHIRKAN PADA 19. JULAI. 1991 DAN SAYA TINGGAL DI ALAMAT 140 R.A.K.R KAMPUNG TOK RANDOK, 21800 AJIL HULU TERENGGANU, TERENGGANU DARUL IMAN. SAYA BOLEH BERCAKAP DALAM BAHASA MALAYSIA DAN DAPAT MEMAHAMI SEDIKIT DALAM BAHASA ENGLISH. SAYA SEORANG IBU TUNGGAL DAN MEMPUNYAI 4 ORANG ANAK. 3 PEREMPUAN DAN SEORANG ANAK LELAKI. ANAK PERTAMA SAYA BERUMUR 8 TAHUN, YANG KE DUA BERUMUR 6 TAHUN, YANG KE TIGA BERUMUR 4 TAHUN DAN YANG KE EMPAT BERUMUR 2 TAHUN. SAYA MEMPUNYAI 8 ORANG ADIK-BERADIK (TERMASUK SAYA). SAYA MEMPUNYAI 3 ORANG KAKAK DAN SALAH SATU DARI ~~3 ORANG~~ MEREKA, SUDAH MENINGGAL DUNIA. PADA TAHUN 2019. SAYA MEMPUNYAI 2 ORANG ABANG DAN 2 ORANG ADIK LELAKI. EMAK DAN AYAH SAYA SUDAH LAMA MENINGGAL DUNIA. AYAH SAYA MENINGGAL DUNIA PADA TAHUN 2014 MANAKALA EMAK SAYA MENINGGAL DUNIA PADA TAHUN 2003, KETIKA UMUR SAYA 12 TAHUN. AHLI KELUARGA SAYA MEMPUNYAI PERNIAGAAN SENDIRI (MEMBUAT DAN MENJUAL MAKANAN) DAN SAYA BEKERJA SEBAGAI PELAYAN DI SEBUAH RESTAURANT DI BANDAR KUALA TERENGGANU. SAYA BEKERJA CUMA SEMENTARA SAHAJA KERANA TIDAK MAMPU UNTUK MEMBAYAR PENGASUH YANG MENJAGA ANAK SAYA YANG KE 4, 2 BULAN LEBIH SAYA TIDAK BEKERJA, DAN HANYA DUDUK DIRUMAH MENJAGA ANAK. KEPERLUAN ANAK, BEKAS SUAMI SAYA YANG MENANGGUNG. DAN MASA ITU SAYA BERFIKIR SAYA MESTI MENCARI KERJA UNTUK MENAMPUNG KEHIDUPAN SAYA DAN ANAK-ANAK. PADA BULAN DISEMBER SAYA BERHUBUNG DENGAN SEPUPU SAYA BERNAMA INTAN NURAZLIA BINTI MUHAMAD AZHAR, BERUMUR 29 TAHUN. SETELAH 2 TAHUN SAYA TIDAK BERHUBUNG DENGANNYA. DAN MASA SAYA BERHUBUNG DENGANNYA, SAYA ADA MENANYAKAN KERJA KEPADANYA. DIA SEORANG IBU TUNGGAL DAN JUGA MEMPUNYAI SEORANG ANAK PEREMPUAN. SAYA MENGENALINYA SEMENJAK ~~SAYA~~ DARI KECIL DAN KAMI MEMBESAR BERSAMA ~~SAMPAILAH~~ SEHINGGALAH DIA BERPINDAH DAN TINGGAL BERSAMA EMAKNYA DI KUANTAN, PAHANG. DIA MENAWARKAN KERJA KEPADA SAYA. AWALNYA SAYA HANYA MERANCANG UNTUK BERNIAGA KECIL-KECILAN MENJUAL MAKANAN DENGANNYA. TETAPI DIA (INTAN) MENCERITAKAN KERJA YANG DIA KERJAKAN KEPADA SAYA. SAYA TIDAK MENCURIGAI DAN PERCAYA KERANA DIA (INTAN) SEPUPU SAYA. DIA MENCERITAKAN YANG DIA BEKERJA DENGAN KAKAK ANGKAT NYA BERNAMA (LINDA).. NAMA LINDA IALAH NUR SUHAILA, UMURNYA DALAM LINGKUNGAN 40 TAHUN. SEORANG IBU TUNGGAL.

KERJANYA CUMA MENGHANTAR COKLAT KE HONGKONG. DIA MENGHANTAR GAMBAR KEPADA SAYA. DAN SAYA MELIHAT GAMBAR COKLAT ITU.
SAYA MEMPERCAYAINYA (INTAN) DAN TANPA BERFIKIR PANJANG SAYA TERUS BERSETUJU UNTUK BEKERJA ~~DAN~~ KERANA SAAT ITU SAYA AMAT MEMERLUKAN PEKERJAAN.
PADA 19.12.2019 ATAU 20.12.2019, PADA PUKUL 9.00 MALAM DIA DAN TEMAN LELAKINYA DATANG MENGAMBIL SAYA DI TERENGGANU, DAN KAMI TERUS BERTOLAK KE KUALA LUMPUR. SAMPAI DI KUALA LUMPUR DIA MEMBAWA SAYA BERTEMU DENGAN KAKAK ANGKATNYA YANG BERNAMA LINDA.. PADA 23.12. ~~2020~~ 2019 DIA (INTAN) MENINGGALKAN SAYA DIRUMAH LINDA DAN SAYA ~~BERMALAM~~ MENGINAP DIRUMAH LINDA SELAMA 2 HARI 1 MALAM DAN LINDA MENYIAPKAN SEMUA DOKUMEN, PASSPORT DAN TIKET UNTUK SAYA. LINDA MEMBERITAHU KEPADA SAYA PADA 25.12.2019 SAYA AKAN MENAIKI KAPAL TERBANG MENUJU KE DUBAI UNTUK MENGAMBIL COKLAT DARIPADA PEKERJANYA (BLACK MEN). ~~LINDA MENYIAPKAN~~ LINDA MENEMPAH HOTEL UNTUK SAYA MENGINAP DI DUBAI SELAMA 7 HARI. SAMPAI DI DUBAI SAYA MENGINAP DI HOTEL (DELMON BOTIQUE HOTEL DI DAIRA) DUBAI.
PADA 31.12.2019 LINDA MENGHANTAR GAMBAR TIKET YANG SUDAH DITEMPAH UNTUK SAYA PERGI KE HONG KONG. SEBELUM PERGI KE HONGKONG LINDA MENYURUH SAYA MENUNGGU PEKERJANYA DIDALAM AIRPORT DUBAI UNTUK MENGAMBIL COKLAT. PADA PUKUL 3.30 PAGI 31.12.2019, SAYA CHEKOUT DAN MENUJU KE AIRPORT DUBAI. SAMPAI DI AIRPORT DUBAI, LINDA MENYURUH SAYA MENUNGGU PEKERJANYA (BLACK MEN) DI HADAPAN MACDONAL DIDALAM AIRPORT. LINDA MENGHANTAR GAMBAR PEKERJANYA KEPADA SAYA.
PADA PUKUL 6:00 PAGI WAKTU DUBAI, DATANG SEORANG LELAKI YANG SAMA SEPERTI DALAM GAMBAR YANG LINDA BAGI KEPADA SAYA. DIA MENGAMBIL BAGPACK YANG SAYA BAWA ITU DAN MELETAKKAN 4 TIN COKLAT DIDALAM BAG SAYA TERSEBUT. DAN SETELAH DIA (BLACKMEN) ~~[illegible]~~ PERGI, LINDA ~~MENELEFON~~ CALL SAYA DAN MENYURUH SAYA MENGHANTAR GAMBAR COKLAT ITU. SAYA PUN MENGAMBIL GAMBAR COKLAT ITU DAN MENGHANTAR KEPADA LINDA. SETELAH SEMUA SELESAI LINDA MENYURUH SAYA PERGI MENUNGGU UNTUK BERANGKAT KE HONGKONG UNTUK MENGHANTAR COKLAT TERSEBUT. WAKTU SAYA BERANGKAT DARI DUBAI KE HONGKONG PADA PUKUL 9:00 PAGI, 31.12.2019.

30 MAR 2020

PADA PUKUL 9:00 MALAM SAYA PUN SAMPAI DI HONGKONG.
DI AIRPORT HONGKONG SAYA MELEPASI IMIGRESEN DAN SEMASA
SAYA MELALUI PINTU KASTAM, SALAH SEORANG PEKERJA KASTAM
MENAHAN SAYA UNTUK MELAKUKAN PEMERIKSAAN. PEKERJA KASTAM ITU
MEMINTA KEBENARAN UNTUK MELAKUKAN SCAN, SAYA MEMBERI 2 BAG
KEPADA PEKERJA KASTAM ITU UNTUK MELAKUKAN PEMERIKSAAN.
SEMASA MEREKA SCAN BAGPACK SAYA ITU, MEREKA (PEKERJA KASTAM)
CURIGAI BARANG YANG ADA DIDALAM BAG ITU. DAN MENANYAKAN
KEPADA SAYA APA YANG ADA DIDALAM. SAYA HANYA MENJAWAB DIDALAM
BAG SAYA ITU ADALAH COKLAT. MEREKA MEMINTA KEBENARAN DARIPADA
SAYA UNTUK MEMBUKA DAN MENGELURRKAN SEMUA YANG ADA DIDALAM
BAGPACK ITU, SAYA TANPA MEMIKIR APA-APA MEMBERI KEBENARAN
UNTUK MENGELUARKAN DAN MEMERIKSA COKLAT TERSEBUT.
SEMASA MEREKA (PEKERJA KASTAM) ~~[illegible]~~ MEMBUKA DAN MENGELUARKAN
4 TIN YANG BERISI COKLAT DIDALAM WHITE PLASTIK BAG DIDALAM BAGPACK
ITU MEREKA MENCURIGAI ~~COKLAT~~ ISI COKLAT DIDALAM TIN TERSEBUT.
DAN MEREKA MEMBUKA 1 DARIPADA 4 TIN ITU UNTUK PEMERIKSAAN.
SEWAKTU MEREKA MENGELUARKAN ISI DARI DALAM TIN ITU MEREKA
MENEMUI BEBERAPA BIJI YANG DISALUTI SHAPE YELLOW.. MEREKA MEMBUKA
SALAH SATU DARIPADA COKLAT ITU DAN MEMBUAT ~~TEST~~ UJIAN DAN
MENDAPATI COKLAT YANG DISALUTI SHAPE YELLOW ITU ADALAH BARANG
YANG SALAH. MEREKA MENANYAKAN SOALAN KEPADA SAYA DALAM
BAHASA ENGLISH DAN SAYA HANYA MENJAWAB TIDAK TAHU.
SEMASA MEREKA MENAHAN DAN MENANYAKAN SOALAN KEPADA SAYA
TIDAK ADA PENTERJEMAHAN DAN MENYUKARKAN SAYA UNTUK
MEMAHAMI SOALAN MEREKA. KERANA SAYA TIDAK BOLEH MEMAHAMI
BAHASA ENGLISH. MEREKA (PEKERJA KASTAM) MEMBERITAHU BAHAWA
BARANG YANG SAYA BAWA ITU ADALAH DADAH. DAN PADA WAKTU
ITU SAYA HANYA MENJAWAB TIDAK TAHU DALAM BAHASA ENGLISH.

(4) 30 MAR 2020

INI SEMUA MAKLUMAT YANG SAYA ADA.

NAMA SEPUPU SAYA INTAN NURAZLIA BINTI MUHAMAD AZHAR.

UMUR 29 TAHUN.

SEORANG IBU TUNGGAL DAN PUNYAI SEORANG ANAK.

NOMBOR TELEFON 014-7064068 (+ MALAYSIAN)

NAMA KAKAK ANGKAT SEPUPU SAYA NUR SUHAILA ATAU NAMA PANGGILAN LINDA.

UMUR DALAM LINGKUNGAN 40 TAHUN.

NOMBOR TELEFON 014-2195088 (+ MALAYSIAN)

019-9211969 (+ MALAYSIAN)

01115188517 (+ MALAYSIAN.

HONGKONG NUMBER (+85295828891).